

PROGRAM KESUSASTERAAN MELAYU DI AKADEMI PENGAJIAN MELAYU, UNIVERSITI MALAYA: PELAKSANAAN DAN CABARAN

TENGGU INTAN MARLINA TENGGU MOHD ALI

*Universiti Malaya
inmarlin@um.edu.my*

MADIAWATI MAMAT @ MUSTAFFA

*Universiti Malaya
atie@um.edu.my*

ABSTRAK

Kursus Kesusasteraan Melayu dalam bidang pendidikan sama ada di institusi pengajian tinggi atau di sekolah-sekolah pada masa kini semakin kurang mendapat perhatian atau tempat dalam kalangan pelajar. Hal ini berlaku kerana kebanyakan pelajar pada hari ini lebih meminati kursus-kursus yang bersifat praktikal dan memenuhi kehendak atau pasaran semasa. Sehubungan itu, kursus-kursus kesusasteraan tidak lagi menjadi tumpuan pelajar. Kursus Kesusasteraan Melayu perlu diberi penambahbaikan dan penyesuaian agar dapat memenuhi kehendak pasaran semasa, lebih-lebih lagi pada zaman ledakan teknologi maklumat kini. Sehubungan itu, makalah ini membincangkan tentang pelaksanaan dan cabaran dalam tiga kursus Kesusasteraan Melayu di Jabatan Kesusasteraan Melayu, Universiti Malaya yang ditawarkan dengan mengambil kira keperluan semasa para pelajar. Kursus tersebut ialah Kursus Penyuntingan Sastera, Sastera Komersial dan Pengajaran E-Sastera. Ketiga-tiga kursus tersebut merupakan kursus yang memperkenalkan aspek pengisian sastera, sama ada genre sastera moden atau sastera tradisional dalam medium yang baharu dan lebih praktikal. Hal ini selaras dalam menjadikan bidang Kesusasteraan Melayu sebagai bidang yang “menyusur akar mencecah awan.” Perkara ini memberi penjelasan bagaimana kursus-kursus ini dapat menjadikan sastera Melayu lebih menarik perhatian atau mendapat tempat dalam kalangan generasi muda sekarang. Seterusnya kursus-kursus ini dapat membantu kesusasteraan Melayu berkembang dan mantap seiring dengan bidang-bidang yang lain. Daripada kajian ini didapati kursus-kursus kesusasteraan bersifat semasa dan komunikasi perlu diperluaskan kerana kursus-kursus seperti ini memberi nilai tambah seperti kemahiran penyuntingan karya dan kemahiran multimedia. Selain itu juga kursus-kursus seperti ini juga dapat memberi suntikan baru kepada karya sastera, iaitu penyebarannya lebih meluas dan dipersembahkan dalam bentuk yang menarik selari dengan matlamat menjadikan kesusasteraan Melayu “menyusur akar mencecah awan.”

Kata kunci: Kesusasteraan Melayu; kursus Kesusasteraan Melayu; penyuntingan sastera; pengajaran e-sastera; sastera komersial

MALAY LITERATURE PROGRAMME AT ACADEMY MALAY OF STUDIES, UNIVERSITY OF MALAYA IMPLEMENTATIONS AND CHALLENGES

ABSTRACT

The Malay Literature course in education are getting less attention in higher education institute and also schools simply because most of the students nowadays prefer the practical based courses or the courses that meet the current market's requirements. This has caused the literature courses does not get the student's attention. The Malay Literature course is supposed to be given more improvements and adjustments in order to fulfill the current market's requirements in this information technological era. Therefore, this paper will discuss further the implementations and challenges faced by the Malay Department, University of Malaya in offering courses with the current social needs and employability. Courses to be introduced would be Literary Editing, Commercial Literature and E-literature Learning. All the courses will have basic introductions in the aspect of literary contents, in modern or traditional literature in different practical approaches. This would be in line with the notion of making the Malay Literature as a field of "skirting the roots reach for the sky." This will explain how those courses have transformed the Malay literature's scope and context especially in getting more attention and widely preferred among the young generation. This also could help the Malay literature to be evolved and developed together with other courses. Based on the research, it is shown that the literature courses are up to date hence the communication needs to be enhanced as these types of courses will give additional values such as editing skill and multimedia skill. Besides, these courses could also give better insights to Malay literature without having to omit the beauty and uniqueness of its context specifically.

Keywords: Malay literature; Malay literature course; literary editing course; e-literature learning; commercial literature

PENDAHULUAN

Pengajaran kesusasteraan Melayu di sekolah mahupun pada peringkat universiti dapat memberi pengukuhan terhadap jati diri kerana melalui pengajaran dan pembelajaran Kesusasteraan Melayu secara tidak langsung dapat mempertingkatkan penguasaan ilmu, nilai dan budaya sesebuah bangsa. Hashim Awang (1985) memperincikan sastera sebagai hasil ciptaan seni yang disampaikan melalui bahasa. Hasil sastera disebarkan melalui bahasa, manakala bahasa mampu memancarkan keindahan yang terkandung dalam karya sastera. Wahana bahasa menjadikan karya sastera dapat difahami segala isi dan tujuan yang mahu dilakarkan oleh pengarang. Karya sastera membicarakan perkara yang berlaku dalam masyarakat sambil mengemukakan sikap, nilai dan pandangan tertentu.

Namun begitu sejak akhir-akhir ini, bidang kesusasteraan seakan-akan dipinggirkan dan kurang mendapat sambutan daripada pelajar di sekolah mahupun universiti. Hal ini antaranya adalah disebabkan perkembangan sains dan teknologi yang mempengaruhi pelbagai bidang ilmu. Para pelajar lebih cenderung menggunakan teknologi terkini dalam segala urusan mereka. Oleh itu, bidang kesusasteraan perlu dimantapkan seiring dengan perkembangan teknologi pada masa kini. Kertas kerja ini membincangkan tiga kursus sastera semasa, iaitu Penyuntingan

Sastera, Sastera Komersial dan Pengajaran E-Sastera. Tiga kursus ini merupakan antara kursus penting dalam Jabatan Kesusasteraan Melayu.

PERNYATAAN MASALAH

Kursus-kursus di Jabatan Kesusasteraan Melayu, Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya telah ditawarkan sejak tahun 1960-an sehingga sekarang. Dahulunya Akademi Pengajian Melayu dikenali sebagai Jabatan Pengajian Melayu bawah Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya. Kemudiannya Akademi Pengajian Melayu ditubuhkan secara rasmi pada tahun 1990 (Mohamad Mokhtar Hassan & Tg. Intan Marlina Tg Mohd Ali, 2006: 201-2012). Dengan arus kemodenan yang pesat dengan teknologi maklumat, kesusasteraan Melayu seakan-akan terpinggir daripada bidang-bidang lain. Hal ini menjadikan Akademi Pengajian Melayu mengambil inisiatif dengan memantapkan Kursus-kursus Kesusasteraan Melayu yang ditawarkan di Akademi Pengajian Melayu, iaitu bawah Jabatan Kesusasteraan Melayu. Oleh yang demikian, makalah ini bertujuan untuk melihat sejauhmanakah kursus-kursus Kesusasteraan melalui program kesusasteraan yang ditawarkan di Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya dapat memenuhi kehendak dan pasaran semasa. Kehendak dan pasaran semasa ini sudah tentu dilaksanakan mengikut peredaran zaman yang sudah tentu juga mempunyai cabaran-cabaran dalam pelaksanaannya. Sehubungan itu, dua objektif yang utama dalam makalah ini pertamanya ialah menganalisis kursus-kursus kesusasteraan Melayu kini yang mengikuti kehendak dan kesesuaian semasa. Keduanya menganalisis cabaran-cabaran yang terdapat dalam pelaksanaan kursus-kursus berkenaan.

TINJAUAN LITERATUR

Terdapat dua makalah kajian lepas diterbitkan yang berkaitan dengan kajian yang dilakukan ini, iaitu pertama oleh Mohamad Mokhtar Hassan dan Tg Intan Marlina Tg. Mohd Ali (2006), bertajuk “Jabatan Pengajian Melayu: Dulu, Kini dan Masa Depan.” Makalah ini diterbitkan dalam buku *SEBAHTERA 2006 PPBKKM-APM* yang diterbitkan oleh Penerbit Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya. Makalah ini menganalisis kursus-kursus Kesusasteraan Melayu yang ditawarkan di Jabatan Pengajian Melayu dan di Jabatan Kesusasteraan Melayu, Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya dari tahun 1960-an hingga 2006. Penelitian dilakukan terhadap kursus-kursus tersebut bagi menganalisis sejauh mana kursus tersebut memperkasakam Kesusasteraan Melayu pada masa hadapan (Mohamad Mokhtar Hassan & Tg. Intan Marlina Tg. Mohd Ali, 2006). Kajian sekarang ini berbeza dengan kajian lepas kerana kajian ini melihat pelaksanaan tiga kursus baru yang ditawarkan kepada pelajar sesuai dengan perkembangan semasa dan juga cabaran-cabaran dalam pelaksanaannya.

Kajian lepas yang kedua pula bertajuk “Karya Sastera Moden sebagai Pengisian Pengajian Kebangsaan di Jabatan Kesusasteraan Melayu, APM oleh Tengku Intan Marlina Tengku Mohd Ali, Madiawati Mamat @ Mustaffa & Mohamad Mokhtar Abu Hassan (2007). Makalah ini diterbitkan dalam Rahim Aman, Zainal Abidin Borhan, Anwar Omar Din, *Sebahtera 2 Pengajian Melayu Teras Pengajian Kebangsaan*, Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia. Makalah ini menganalisis kursus-kursus di Jabatan Kesusasteraan Melayu, Akademi Pengajian Melayu bagi tujuan memperkasakam Kesusasteraan Melayu pada masa hadapan (Tengku Intan Marlina Tengku Mohd. Ali, Madiawati Mamat & Mohamad Mokhtar Abu Hassan dlm. Rahim Aman, Zainal Abidin Borhan & Anwar Omar Din, 2007). Kajian sekarang ini berbeza dengan

kajian lepas kerana kajian ini hanya memfokuskan tiga kursus terkini di Jabatan Kesusasteraan Melayu yang sesuai dengan perkembangan sekarang yang dan juga cabaran-cabaran dalam pelaksanaannya.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini berbentuk analisis kandungan dengan melihat bahan-bahan kajian lepas yang berkaitan dengan Kursus Kesusasteraan Melayu yang berkaitan dengan tiga kursus yang ditawarkan oleh Jabatan Kesusasteraan Melayu, Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya. Tiga kursus tersebut dipilih kerana bersesuaian dengan perkembangan semasa dan terkini. Bahan-bahan ini akan dianalisis untuk mengkaji kursus-kursus yang ditawarkan tersebut dari dahulu sehingga sekarang, serta kesesuaian kursus tersebut dengan kehendak dan pasaran semasa. Tiga kursus yang dianalisis adalah Sastera Komersial, Penyuntingan Sastera dan Pengajaran E-Sastera.

SASTERA KOMERSIAL

Kursus Sastera Komersial menitikberatkan aspek pengkomersialan dalam karya sastera. Sejauh manakah sastera dapat dikomersialkan dan dalam masa yang sama mutu karya sastera turut diambil kira? Hal ini dititikberatkan dalam kursus ini. Perkembangan sastera itu juga penting untuk dilihat seiring dengan perkembangan teknologi maklumat agar pelajar dapat melihat bentuk-bentuk karya sastera yang terdapat di pasaran, dan karya bagaimana yang dapat menarik perhatian khalayak. Oleh yang demikian, kursus ini dibahagikan kepada beberapa tajuk untuk setiap minggu kuliah dan tutorial. Pelajar-pelajar digalakkan untuk membuat kerja lapangan bagi tugas mereka terutamanya melihat sendiri bagaimana sesebuah syarikat penerbitan beroperasi dalam arus penerbitan sekarang.

Antara topik dan tajuk yang dikuliahkan dan diberikan tugas kepada pelajar ialah:

1. Faktor-faktor Dalaman dan Luaran yang mempengaruhi sambutan pembaca terhadap karya sastera.
2. Antara Nilai Komersial dan Intelektual dalam Karya Sastera, iaitu sastera tradisional dan moden. Tajuk ini umum dan dianalisis dalam pelbagai genre seperti novel, cerpen, puisi dan drama untuk sastera moden.
3. Perkembangan Sastera Tradisional, iaitu dari tradisi lisan sehingga kini.
4. Perkembangan Kesusasteraan Moden.
5. Adaptasi Novel ke Filem/Filem ke Novel.
6. Adaptasi Karya Sastera ke Bentuk Multimedia atau Animasi.
7. Sastera Siber.
8. Novel Serious, Popular dan Picisan.
9. Perkembangan Penerbitan Sastera Kanak-kanak dan Sastera Remaja.
10. Pelbagai topik lain mengikut perkembangan semasa, misalnya isu penerbitan sastera yang hangat diperkatakan pada masa sekarang, misalnya 2016 adalah mengenai Penerbitan Indie.

Topik kuliah dan tutorial, serta tajuk-tajuk tugas yang diberikan kepada pelajar sentiasa disesuaikan dengan peredaran masa. Hal ini kerana perkembangan kesusasteraan komersial sentiasa berubah mengikut peredaran zaman. Misalnya mengenai topik adaptasi daripada teks ke bentuk multimedia, cerita “Bawang Putih Bawang Merah” telah diadaptasikan ke bentuk animasi (Tengku Intan Marlina Tengku Mohd Ali et al., 2014). Para pelajar turut diberi

kebebasan, tetapi mereka juga hendaklah merujuk kepada pensyarah untuk memilih kesesuaian topik tugas yang mesti disiapkan secara individu dan berkumpulan.

Setiap tugas tersebut perlu dibentangkan oleh para pelajar secara berkumpulan dan tugas ini juga perlu dihantar kepada pensyarah untuk pemarkahan. Selain tugas berkumpulan, para pelajar turut diminta untuk membuat tugas individu. Tugas individu tertumpu pada manganalisis nilai komersial dan intelektual dalam karya sastera. Para pelajar akan memilih karya sastera yang bersesuaian dan menganalisis karya yang dipilih dengan menghuraikan sejauh mana nilai komersial dan intelektual terdapat dalam karya sastera yang dipilih. Hujah-hujah yang diberikan hendaklah disertakan dengan bukti-bukti yang sesuai. Dalam hal ini, contoh-contoh analisis turut diperlihatkan dengan menumpukan nilai-nilai komersial dan intelektual dalam karya sastera. Dalam hal ini, Kamariah Kamarudin (2009) adalah antara sarjana yang turut melakukan kajian terhadap karya sastera popular. Namun dalam kursus ini, analisis dibuat secara menyeluruh, iaitu karya popular dan karya serius.

Dalam kursus ini, karya sastera yang dikaji tidak hanya ditumpukan kepada sastera popular semata-mata. Karya serius juga perlu diberi perhatian yang lebih kerana pada masa sekarang karya sastera yang serius turut mendapat tempat di pasaran. Hal ini jelas jika dilihat karya oleh penulis-penulis yang didapati menulis dan dan karya kreatif mereka berbentuk serius seperti Shahnnon Ahmad, Abdullah Hussain, A.Samad Said, Faisal Tehrani, Mawar Safei, dan Kamariah Kamarudin turut mendapat sambutan di pasaran (Tengku Intan Marlina Tengku Mohd Ali, 2015).

PENYUNTINGAN SASTERA

Kursus ini diperkenalkan kepada pelajar dengan tujuan bagi memberi ilmu penyuntingan dan kaedah penyuntingan sastera yang betul dan berkesan. Hal ini perlu bagi melatih para pelajar bukan sahaja untuk tujuan pembelajaran, tetapi ilmu ini berguna kepada mereka untuk menyunting penulisan masing-masing dan seterusnya masih relevan dalam pekerjaan serta kehidupan seharian.

Penyuntingan bukanlah menjadi topik yang asing kepada para pelajar. Hal ini kerana mereka telah didedahkan dengan mata pelajaran penyuntingan ketika mereka berada di tingkatan enam, sebelum memasuki universiti lagi. Mata pelajaran ini turut terdapat dalam Peperiksaan Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM) (Tengku Intan Marlina Tengku Mohd Ali, Ogos 2016). Topik Penyuntingan terdapat dalam Sukatan Pelajaran Kesusasteraan Melayu Komunikatif Kertas 922/3 pada peringkat Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM) (Tengku Intan Marlina Tengku Mohd Ali, Februari 2017). Namun demikian, mata pelajaran yang diajar di sekolah tidaklah menyeluruh dan mendalam seperti di universiti.

Topik dan tajuk yang dibincangkan dan diberi penekanan untuk Kursus Penyuntingan pada peringkat universiti pula adalah seperti berikut:

1. Pengenalan Tentang Buku
2. Peranan Pihak yang Terlibat dalam Penebitan
3. Proses-proses Penerbitan
4. Peranan dan Tanggungjawab Editor
5. Tugas-tugas Editorial
6. Bahagian-bahagian Buku
7. Penyediaan dan Penandaan Manuskrip
8. Simbol-simbol yang digunakan dalam Penyuntingan

9. Proses Prasuntingan Naskah dan Proses Penyuntingan Naskah
10. Pembacaan Pruf
11. Latihan-latihan Penyuntingan yang diadakan dari semasa ke semasa di dalam kelas

Para pelajar juga dikehendaki membuat kerja lapangan, iaitu berjumpa dengan editor-editor yang berpengalaman di syarikat-syarikat penerbitan tertentu untuk menambah ilmu dalam bidang editorial. Kajian lapangan ini penting bagi mendedahkan tugas-tugas dalam bidang editorial yang sebenarnya kepada pelajar. Dalam pertemuan atau sesi temu bual pelajar dengan editor-editor yang dipilih, maka pelbagai ilmu dan pengalaman dalam bidang editorial dan penerbitan akan dapat diketahui dan dicerap oleh para pelajar. Malahan ada sesetengah editor yang turut memperlihatkan hasil-hasil kerja yang mereka lakukan. Pelajar juga diberi peluang untuk melihat proses-proses penerbitan yang dijalankan dalam sesebuah syarikat penerbitan secara jelas. Sebelum ini proses penerbitan hanya dipelajari di dalam kuliah dan tutorial sahaja. Hal ini meningkatkan lagi keberkesanan kaedah pengajaran dan pembelajaran yang dilaksanakan secara teori dan amali.

Selain kajian lapangan, pelajar turut didedahkan dengan latihan-latihan penyuntingan di dalam kelas dari semasa ke semasa. Latihan penyuntingan dibahagikan kepada dua, iaitu latihan penyuntingan ilmiah dan latihan penyuntingan bahan kreatif. Kedua-dua bahagian ini perlu difahami oleh para pelajar kerana terdapat perbezaan antara menyunting penulisan ilmiah dengan penulisan kreatif. Misalnya penyuntingan ilmiah memerlukan ketelitian dari maklumat dan fakta, manakala penyuntingan kreatif lebih kepada pemurnian karya sastera agar lebih menarik dihidangkan kepada khalayak pembaca. Walaupun penyuntingan dilakukan terhadap karya kreatif, namun penyuntingan tersebut perlu juga dijaga agar tidak lari daripada gaya bahasa pengarang itu sendiri. Penyuntingan juga diajar secara atas talian. Hal ini demikian kerana terdapat juga syarikat penerbitan yang tidak membuat penyuntingan secara manual, sebaliknya menggunakan *softcopy* bagi memudahkan kerja editor dan proses penerbitan dapat dilakukan dengan pantas.

Akhirnya, pelajar-pelajar turut didedahkan dengan cara membuat atur huruf, susun atur dan kulit buku. Perkara ini penting kerana perkara-perkara ini menjadi nilai tambah kepada pelajar jika mereka memilih kerjaya editor atau jika mereka ingin menerbitkan buku sendiri. Seterusnya ilmu ini akan menjadai nilai tambah kepada para pelajar untuk bersaing mencari pekerjaan apabila mereka mendapat Ijazah Sarjana Muda Pengajian Melayu nanti.

PENGAJARAN E-SASTERA

E-Sastera atau juga dikenali sebagai sastera siber merupakan karya sastera sama ada tradisional, moden atau bidang kritikan yang mengintegrasikan ciri-ciri multimedia (teks, warna, grafik, animasi, dan bunyi) dan bersifat interaktif, iaitu mampu memberi tindak balas terhadap rangsangan pembaca (khalayak) serta dikomposisikan dengan memanfaatkan sistem talian internet.

Menurut *Macmillan Ensiklopedia* (2000), istilah siber berasal daripada singkatan sibernatik (*cybernetics*), iaitu bidang yang berkaitan dengan komunikasi, mesin dan organisasi. Istilah *cybernetics* pula berasal daripada perkataan Yunani yang bermaksud “jurumudi” atau “*steerman*”. Bidang ini meliputi bidang bionik yang mana kebolehan manusia menyesuaikan diri serta membuat keputusan dijadikan asas kepada mesin automatik kawalan komputer sebagai wadah penyampaian sesebuah karya sastera.

Istilah siber pertama kali diperkenalkan oleh William Gibson dalam novelnya *Neuromancer*. Di dalam novel tersebut, beliau mengistilahkan ruangan siber (*Cyber Space*) sebagai satu dunia maya di mana individu, objek dan pemikiran berinteraksi (Khairul Izawan Abd.Rani, 2001:1). Dalam hal ini ruang siber merupakan ruangan yang dibangunkan untuk manusia bernavigasi di dalam ruang yang tidak terbatas.

Bagi pengasas laman E-Sastera, iaitu Wan Abu Bakar Wan Abas (2004: 14) menjelaskan bahawa karya siber ialah karya yang diterbitkan di internet. Definisi karya siber harus merangkumi bentuk karya moden yang mengintegrasikan ciri-ciri multimedia (teks, warna, grafik, animasi, dan bunyi) dan/atau bersifat interaktif (mampu memberi tindak balas terhadap rangsangan "pembaca") serta dikomposisikan dengan memanfaatkan sistem *link* internet. Maka karya "biasa" yang diterbitkan di internet dengan teks hitam pada latar putih tidak wajarlah dianggap sebagai karya siber sebenar (barangkali dapat dianggap sebagai "karya siber primitif").

Secara umumnya dapat dinyatakan bahawa karya sastera siber atau E-Sastera, bukan sahaja karya yang memanfaatkan penggunaan internet dalam penyebarannya tetapi juga karya yang dipaparkan perlu mengintegrasikan penggunaan elemen-elemen multimedia dalam setiap karyanya. Sifatnya yang interaktif dan boleh diubah-ubah (diedit) serta penyebarannya yang meluas menjadikan bentuk sastera siber lebih popular dan menarik untuk dibincangkan.

E-Sastera atau sastera siber merupakan salah satu cara bidang sastera mengambil tempat serta mengorak langkah dalam perkembangan sains dan teknologi. E-Sastera bukan sahaja merupakan laman web yang mengandungi segala aktiviti dan karya bidang sastera tetapi juga ia merupakan platform para pengiat sastera untuk berkomunikasi dan berbincang dunia kesusasteraan. Rentetan terdapatnya perkembangan karya sastera di atas talian sama ada melalui laman web yang tertentu, blog individu penulis atau pun laman sosial seperti facebook maka dirasakan perlu satu kursus diperkenalkan bagi membincangkan hasil-hasil sastera dalam internet agar perkembangan sastera pada hari ini dapat dibincangkan secara menyeluruh sama ada karya yang berkembang secara konvensional ataupun melalui media baharu.

Maka atas inisiatif tersebut, Akademi Pengajian Melayu Universiti Malaya mengorak langkah untuk memperkenalkan kursus E-Sastera kepada para pelajarnya. Pada peringkat permulaan kursus ini diperkenalkan kepada pelajar Sarjana Kesusasteraan Melayu pada sesi 2012/2013. Kursus yang dijalankan selama 14 minggu ini (1 semester) membincangkan semua hasil-hasil E-Sastera seperti novel, cerpen, sajak, pantun dan kritikan yang terdapat atas talian. Pelajar bukan sahaja didedahkan dengan maklumat-maklumat sastera dalam siber tetapi juga berpeluang turut sama berkarya di ruang siber.

Sehubungan itu, kursus E-Sastera merupakan kursus yang bersifat versatil serta memenuhi keperluan semasa, iaitu pelajar didedahkan dengan pengajaran dan pembelajaran (PDP) secara interaktif di samping didedahkan dengan kemahiran mencari maklumat, penghayatan terhadap karya dan membina kreativiti. Ini selaras dengan pengisian kurikulum pendidikan negara terdiri daripada elemen yang mencantumkan perkembangan terkini dalam pendidikan, iaitu aspek ilmu, peraturan sosiobudaya, nilai kemanusiaan, dan kemahiran bernilai tambah yang merangkumi kemahiran berfikir, kemahiran teknologi maklumat dan komunikasi (ICT).

Perlaksanaan pengajaran dan pembelajaran E-Sastera di Akademi Pengajian Melayu bermula pada sesi 2012/2013 dengan 10 orang pelajar sarjana yang mengkhususkan Jabatan Kesusasteraan Melayu. Kursus ini ditawarkan pada peringkat sarjana kerana kelengkapan dan makmal komputer yang terhad yang tidak mampu menampung jumlah pelajar yang ramai.

Kursus yang mengaplikasikan konsep sastera terhadap karya-karya dalam talian ini bertujuan memberi pendedahan dan kemahiran kepada pelajar menghuraikan pelbagai genre E-Sastera serta dapat menganalisis kaedah-kaedah yang dipraktikkan dalam bidang E-Sastera. Pelajar diperkenalkan kepada semua bentuk E-Sastera yang aktif di laman siber. Antaranya laman web E-Sastera2u.com, Penulisan2u.com, www.DBP.com.my (dahulunya dikenali www.KaryaNet.com.my), blog individu penulis dan aktiviti-aktiviti penulis di laman sosial.

Pada peringkat awal pelajar diperkenalkan dengan senario perkembangan sastera di alam siber yang merangkumi pelbagai genre sama ada novel, cerpen, sajak, sastera tradisional, kritikan sastera dan sebagainya. Pada peringkat ini pelajar didedahkan dengan kemahiran mencari maklumat, penghayatan terhadap karya sastera dan akhirnya dapat membina kreativiti menghasilkan karya di laman siber. Mereka bukan sahaja membincangkan karya yang diterbitkan dalam talian tetapi juga membincangkan bidang kritikan yang dibincangkan dalam ruangan siber.

Perbincangan merangkumi aspek karya, kritikan dan maklum balas yang diberikan oleh khalayak siber berkenaan sesebuah karya yang dikaji. Kesemua aspek ini perlu diteliti bagi mendapatkan maklumat perkembangan sastera secara menyeluruh di alam siber. Hal ini demikian kerana E-Sastera bukan sahaja membicarakan soal karya kreatif sahaja, malahan merupakan platform pengiat sastera untuk meluaskan pemikirannya ke seluruh pelosok dunia tanpa sempadan.

Laman web esastera2u.com (dahulunya dikenali www.esastera.com atau sebelumnya dikenali sebagai www.communityzero.com/penyair) merupakan antara laman web yang aktif memuat naik karya-karya sastera dalam pelbagai genre dan merupakan platform para pengkarya berkomunikasi berkenaan dunia sastera. Pengasasnya, Wan Abu Bakar Wan Abas, menjelaskan bahawa laman web esastera2u.com tersebut sebagai satu platform dalam usaha untuk menghasilkan karya-karya sastera yang bermutu dekad ini.

Laman web yang merangkumi keseluruhan bidang kesusasteraan ini dijadikan rujukan utama dalam perbincangan kursus ini kerana tujuan penubuhannya adalah untuk menjadikan laman ini sebagai agen utama dalam memperkasa dan mengantarabangsakan sastera Melayu di internet dan penulis bertaraf hadiah nobel.

Selain itu juga, bagi mendapatkan lebih pengetahuan berkenaan laman web sastera2u.com, pengajaran kursus ini juga dibantu oleh pengasas laman web tersebut, iaitu Wan Abu Bakar Wan Abas bagi memberi penjelasan berkenaan dengan sejarah perkembangan dan pembangunan majalah elektronik tersebut secara terperinci. Sehingga kini, terdapat lapan ruangan dalam web tersebut yang meliputi ruangan seksyen, dinding, buku, blog, forum, berita, mengenai dan hubungi. Bahagian yang menjadi tumpuan dalam pengajaran dan pembelajaran kursus ini ialah ruangan seksyen yang mengandungi 41 bahagian perbincangan karya sastera dan aktiviti-aktiviti penulis. Ruangan tersebut bukan sahaja memuatkan naik karya penulis tetapi juga penulis boleh berkomunikasi dengan penulis yang lain serta terdapat maklumat dan juga laporan semasa berkenaan kegiatan-kegiatan sastera yang berlangsung dalam negara. Kepelbagaian pilihan yang ada ini memungkinkan pengunjung dapat berkarya secara bebas dan terbuka menjadikannya antara laman web sastera yang menarik untuk dikunjungi.

Selain laman web esastera2u.com, pelajar juga meneliti laman web penulisan2u.my yang merupakan ruangan penulisan novel dan cerpen. Laman web ini membuka ruang untuk khalayak menghasilkan karya kreatif. Karya yang menarik di ruangan ini akan diketengahkan dan diterbitkan. Ini memberi peluang untuk penulis-penulis untuk menerbitkan karyanya. Selain itu, laman ini juga mempunyai pautan kepada laman web <http://nukilan2u.my/> yang

memaparkan karya puisi seperti sajak dan pantun. Penulisan2u.my juga merupakan platform untuk mempromosikan karya-karya kreatif yang terdapat di pasaran.

Kajian terhadap aktiviti pengarang biasanya dikaji melalui blog atau laman sosial individu seseorang pengarang. Blog merupakan catatan individu atas talian yang mengandungi maklumat diri dan segala aktiviti yang sentiasa dikemaskini. Blog atau laman sosial seperti facebook telah menjadi trend untuk para penulis berkomunikasi dengan peminatnya. Antara penulis terkenal yang aktif mengemaskini segala aktiviti sasteranya seperti A.Samad Said, Nisah Haron, Lily Haslina Nasir, Shamsudin Othman dan Ain Maisarah. Dalam ruangan ini mereka tidak sahaja memuatnaik karya terbaharu tetapi juga aktif memaparkan aktiviti harian sama ada yang berkaitan dengan dunia sastera ataupun kehidupan masing-masing. Dengan adanya platform sebegini dapat merapatkan hubungan antara penulis dan peminatnya.

Ini memberi gambaran bahawa, ruangan siber perlu dimanfaatkan oleh golongan penulis untuk memperkenalkan atau memberitahu kepada masyarakat berkenaan aktiviti-aktiviti terbaharu mereka secara pantas. Ini sekaligus membantu proses pemasaran sesebuah karya. Berdasarkan hasil penelitian yang lepas penulis lebih aktif menggunakan ruangan *facebook* untuk berinteraksi dengan peminatnya kerana sifatnya yang mesra pengguna. Mereka bukan sahaja boleh mengadakan komunikasi secara langsung tetapi juga boleh juga memuatnaik gambar-gambar aktiviti yang berlaku secara pantas.

Selain itu, pelajar tidak sahaja didedahkan dengan sejarah dan latar belakang kegiatan sastera di ruangan siber, mereka juga diperkenalkan dengan elemen-elemen multimedia dalam penulisan kreatif. Elemen multimedia yang diterapkan dalam karya sastera penting bagi mempelbagaikan medium sastera dan memperjelaskan konsep yang abstrak yang sebelum ini hanya menggunakan medium bahasa dalam menggambarkan pemikiran pengarang. Dengan adanya elemen multimedia dapat meningkatkan daya penghayatan dan pemahaman kerana pelbagai aspek yang digunakan bagi mempersembahkan sesebuah karya.

Penghayatan sastera dalam bentuk multimedia adalah lebih cepat kerana bentuk yang baharu dan interaktif dapat menarik minat khalayak terutamanya para pelajar untuk menelitinya. Antaranya para pelajar mudah tertarik kepada bahan interaktif yang mengandungi pelbagai medium seperti grafik, audio, warna dan animasi yang menarik. Penumpuan mereka akan lebih lama terhadap bahan dalam bentuk digital kerana memberi kesan yang pelbagai. Noraini Idris (2004) ada menjelaskan penggunaan pelbagai format dalam perisian mampu menambahkan tempoh perhatian terhadap pelajaran seseorang pelajar dan juga dapat memotivasikan pelajar untuk terus mempelajari bahan pembelajaran tersebut. Cerita Unggas turut dijadikan bahan pengajaran dalam kursus ini (Madiawati Mustaffa & Arbaie Sujud, 2009).

Bagi tujuan kursus ini, pelajar juga diberi tugas memilih karya kreatif daripada genre puisi untuk memasukkan elemen-elemen multimedia yang sesuai bagi menghasilkan sebuah karya sastera yang interaktif. Elemen ini dapat mencungkil daya pemahaman dan kreativiti pelajar terhadap karya yang ditelitinya. Genre puisi menjadi pilihan untuk kursus ini kerana bentuknya yang lebih pendek berbanding dengan karya prosa seperti cerpen dan novel memandangkan masa yang diperuntukkan adalah terhad. Pelajar juga diberi kebebasan dan mengikut kreativiti masing-masing untuk menghasilkan puisi interaktif dengan memasukkan elemen multimedia. Ini sesuai dengan konsep E-Sastera itu sendiri yang merupakan hasil sastera menggunakan talian siber serta mengintegrasikan elemen-elemen multimedia dalam penghasilan sesebuah karya.

Pemindahan karya dari teks ke bentuk multimedia menguji daya pemahaman dan penghayatan pelajar tentang pengisian atau pemikiran yang hendak disampaikan melalui

sesebuah karya. Pemilihan elemen-elemen multimedia perlu disesuaikan dengan idea yang hendak disampaikan dalam sesebuah karya. Di sini pelajar diberi bimbingan untuk memilih teks, grafik, audio atau video dalam menyiapkan tugas tersebut. Selain itu juga, aspek ni memperlihatkan kreativiti mereka dalam memilih, mengabujalinkan serta mengatur pelbagai elemen sastera dan multimedia dalam satu persembahan yang menarik.

Vivi Lachs (2004: 5) menjelaskan multimedia berkomputer adalah gabungan teks, gambar, bunyi, animasi dan video yang memberikan bentuk bersepadu lebih berkesan berbanding dengan mana-mana media tunggal. Dengan menggunakan pendekatan multimedia, teks kini tidak hanya disertai ilustrasi dan kesan bunyi, malah terdapat pelbagai pilihan medium. Setiap satunya menambahkan pemahaman yang lebih menyeluruh. Gabungan media penting supaya konsep yang rumit dan abstrak dapat disampaikan secara sekaligus menggunakan beberapa media. Contohnya, animasi tiga dimensi diiringi rakaman suara bagi menerangkan butiran-butiran objek. Setiap medium yang digunakan bagi memperkukuhkan dan membantu pemahaman dengan cara yang tersendiri.

Kreativiti pelajar juga dapat dinilai dengan diperkenalkan ruangan novel kongsi dalam esastera2u.com. Novel kongsi ini merupakan platform pengkarya menghasilkan karya yang boleh disambung ideanya oleh pengkarya yang lain mengikut kesesuaian tema dan kreativiti sehingga ke akhir cerita. Ini menarik kerana mewujudkan perkongsian idea dalam menghasilkan sesebuah cerita. Pengkarya sama-sama berkongsi idea dalam menyambung plot cerita yang telah ditulis oleh pengkarya yang lain. Berdasarkan kursus yang lepas, pelajar berjaya menghasilkan sebuah buku kongsi yang bertajuk *Hatiku Milik Dia*, yang terdapat 11 bab hasil perkongsian idea oleh semua pelajar yang terbabit.

Berkenaan aspek ini, pelajar dilatih untuk berkongsi idea dalam bentuk yang paling kreatif, iaitu bebas dalam mewarnai corak cerita supaya nampak lebih menarik tanpa mengabaikan unsur-unsur sastera. Tiada masa yang dihadkan untuk pelajar berkarya. Mereka boleh terus berkarya walaupun di luar waktu pembelajaran. Selain itu sebagai sebuah karya siber sudah tentu karya tersebut boleh diubah atau kemaskini berdasarkan pendapat-pendapat yang diberikan. Dalam konteks E-Sastera, sesiapa sahaja boleh memberi maklumbalas terhadap karya yang disiarkan di ruangan siber. Komunikasi secara langsung dan pantas ini memberikan motivasi kepada pelajar khususnya untuk terus menghasilkan karya yang lebih baik.

Berkenaan ini Wan Abu Bakar Wan Abas (2004) menjelaskan bahawa apresiasi terhadap sebuah e-novel yang ditulis secara sambung-menyambung tidak diapresiasi setelah proses pengkaryannya tamat sebaliknya diapresiasi (dibaca) semasa sedang ditulis. Penulis-penulis dan pembaca-pembaca semuanya tidak tahu apa yang akan berlaku kepada seseorang watak dan kepada cerita keseluruhannya. Tidak ada bab/halaman akhir untuk dibeleg jika kita berasa ingin tahu apa yang akan berlaku. Malah pembaca yang berminat dapat pula menyambung sendiri novel itu bagi menentukan arah cerita. Membaca sebuah e-novel menghampiri keadaan kita melihat watak yang hidup dalam dunia sebenar: hari ini kita bertemu dengannya, namun kita belum tahu apa-apa yang akan berlaku kepadanya selepas itu.

Ini merupakan sesi pengajaran dan pembelajaran yang menarik kerana sesi bukan sahaja dapat mencungkil daya kekreatifan dan kritis seseorang pelajar tetapi juga menjadikan suasana pembelajaran lebih menarik dan menyeronokkan. Pelajar didedahkan pelbagai eksperimen bagi mencetuskan idea yang menarik dan sesuai dengan karya dibincangkan. Dalam hal ini juga pensyarah menjadi pembimbing bagi memastikan kesatuan idea dan gaya bahasa dapat digarapkan dengan baik sesuai dengan idea asal novel yang diketengahkan.

Berdasarkan pelaksanaan kursus E-Sastera pada peringkat universiti didapati terdapat tiga bahagian yang perlu dikuasai oleh pelajar, iaitu pelajar perlu menguasai kemahiran mencari maklumat dalam rangkaian siber, kursus ini juga memerlukan pelajar berkemahiran menggunakan elemen multimedia dalam menghasilkan sesebuah karya sastera siber dan pelajar juga perlu kreatif untuk berkarya dalam bidang sastera yang sedia ada di ruangan siber.

Secara umumnya dapat dijelaskan bahawa penggunaan komputer dan internet dalam pengajaran dan pembelajaran sastera dapat menukar corak dan suasana pembelajaran. Pelbagai pilihan alat bantu mengajar yang menjadikan sesi pembelajaran lebih menarik. Selain itu, sastera yang mendapat sentuhan baharu dengan pelbagai elemen multimedia yang memanfaatkan talian siber dapat menarik minat khalayak untuk meneliti hasil sastera atau turut sama menyumbang idea dalam perkembangan sastera di siber.

CABARAN DALAM PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN KURSUS

Bagi pelaksanaan kursus-kursus yang dibincangkan tersebut, para pelajar perlu menguasai kemahiran mencari maklumat dalam rangkaian siber. Misalnya dalam kursus Pengajaran E-Sastera pula, pelajar perlu berkemahiran menggunakan elemen multimedia dalam menghasilkan sesebuah karya sastera siber dan pelajar juga perlu kreatif untuk berkarya dalam bidang sastera yang sedia ada di ruangan siber. Sastera Komersial turut menggunakan internet sebagai bahan utama dalam pengajaran dan pembelajaran. Hal ini demikian kerana antara topik yang dipelajari adalah berkenaan dengan sastera siber. Bagi Penyuntingan Sastera pula, isu-isu penerbitan terkini juga perlu diambil maklum oleh para pelajar. Para pelajar juga perlu mahir dalam penggunaan komputer untuk membuat penyuntingan secara dalam talian.

Pengajaran E-Sastera juga sudah tentu banyak menggunakan kemudahan komputer dan internet di dalam kelas. Bilangan kemudahan komputer yang terhad dan masalah talian internet yang sering terganggu menjadi masalah yang utama bagi pelaksanaan kursus tersebut. Perkara ini mengganggu sesi pengajaran dan pembelajaran secara interaktif kerana pelajar dikehendaki menggunakan internet untuk mencari maklumat serta muatnaik (*upload*) hasil kerja dalam sesi pembelajaran tersebut. Masalah rangkaian internet yang perlahan menjadi halangan untuk pelajar mengakses maklumat-maklumat yang diperlukan dalam proses pembelajaran. Ini sekaligus mengganggu kelancaran proses pengajaran dan pembelajaran.

Cabaran lain bagi Kursus Sastera Komersial dan Pengajaran E-Sastera adalah masalah untuk mendapatkan bahan pengajaran yang menyeluruh. Sumber rujukan untuk kursus ini sentiasa perlu dikemaskini agar mengikuti peredaran semasa. Rujukan untuk sastera komersial di Malaysia sangat terhad. Oleh yang demikian, para pelajar diminta untuk sentiasa bersedia untuk membuat penyelidikan lapangan. Namun demikian, halangan ini sebenarnya turut menjadi rangsangan dan peluang kepada para pelajar untuk turun ke lapangan bagi mencari maklumat terkini.

Sesi pembelajaran yang lepas, genre sastera yang memanfaatkan penggunaan talian internet dimonopoli oleh karya sastera moden terutamanya puisi. Dalam hal ini, berlaku ketidakseimbangan kajian antara karya sastera tradisional dan sastera moden. Karya-karya tradisional yang diadaptasi ke bentuk multimedia pula boleh dilihat dalam bentuk cakera padat, dan *you tube*. Karya-karya sebegini perlu banyak ada di ruangan laman web sastera agar maklumat yang disampaikan kepada pembaca adalah secara menyeluruh.

Pemilihan laman web dan blog yang sesuai untuk dibincangkan turut menjadi cabaran bagi kursus ini. Siber sifatnya yang terbuka sudah tentu mempunyai pelbagai latar belakang

penulis sama ada yang sudah mencipta nama atau yang baru menjinakkan diri dengan bidang penulisan sastera. Oleh itu, dalam memilih bahan untuk pengajaran menjadi suatu yang agak sukar kerana sifat siber yang luas dan terbuka kepada sesiapa sahaja.

KESIMPULAN

Melalui kursus-kursus sastera di Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya yang mengambil kira keadaan semasa dan perkembangan teknologi maklumat, maka kursus sastera yang ditawarkan menjadi lebih menarik perhatian para pelajar. Kursus-kursus ini juga dapat memenuhi kehendak pasaran semasa dengan tujuan peluang pekerjaan yang lebih baik kepada generasi muda. Para pelajar bukan sahaja didedahkan dengan ilmu sastera, tetapi juga maklumat sastera semasa dan sastera dalam siber yang terkini. Malahan mereka juga berpeluang untuk berkarya di ruang siber. Kursus Penyuntingan Sastera, Sastera Komersial dan Pengajaran E-Sastera dapat memenuhi keperluan semasa, iaitu pelajar didedahkan dengan pengajaran dan pembelajaran (PDP) secara interaktif di samping kemahiran untuk mencari maklumat, penghayatan terhadap karya dan membina kreativiti. Hal ini menjadikan sastera tidak lagi dipinggirkan pada zaman kini dan tidak lagi menjadi pilihan terakhir para pelajar yang mahu melanjutkan pelajaran ke universiti.

RUJUKAN

- Azhar Hj. Wahid (peny). 2011. *Globalisasi Sastera Siber*. Tanjung Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Hamed Mohd Adnan. 2007. *Penyuntingan Naskhah*. Bandar Baru Bangi: Medium Publications.
- Hashim Awang. 1985. *Teman Pelajar Kesusasteraan*. Petaling Jaya: Fajar Bakti. Sdn.Bhd.
- Irwan Abu Bakar, 2004. Masa Depan Sastera Anda dalam E-Sastera. *Dewan Sastera*, November: 14-19.
- Irwan Abu Bakar. 2007. *Dari Blog ke Slog: Selepas Sastera Siber, Sastera Sms?* Sastera Net, Edisi 1.
- Irwan Abu Bakar. 2007. Novel Popular dan Pembangunan Minda. *Dewan Sastera*, Februari: 36-37.
- Johan Jaafar. 2004. Ke Mana Arah Sastera Siber atau E-Sastera. *Dewan Sastera*, Februari: 42-44.
- Kamariah Kamarudin. 2009. Antara Komersialisme dengan Intelektualisme dalam Novel *Getaran Rindu*. *Jurnal Pengajian Melayu*, 20, 99-118.
- Khairul Izwan Abd.Rani. 2001. Sastera Siber dalam Pembinaan Jati Diri Bangsa. Kertas Kerja yang Dibentangkan dalam Seminar Sastera Siber di Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur pada 14 April 2001.
- Madiawati Mustaffa & Arbaie Sujud, 2009. Transformasi medium tradisi lisan, teks dan bentuk multimedia dalam Cerita Unggas. *Jurnal Pengajian Melayu*, 20, 163-178.
- Mohamad Mokhtar Hassan & Tg. Intan Marlina. 2006. *SEBAHTERA 2006 PPBKKM-APM*. Kuala Lumpur: Penerbit Akademi Pengajian Melayu.
- Noraini Idris et al. 2004. *Teknologi dalam Pendidikan Sains dan Matematik*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Rahim Aman, Zainal Abidin Borhan & Anwar Omar Din. 2007. *Sebahtera 2 Pengajian Melayu Teras Pengajian Kebangsaan*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.

- Tengku Intan Marlina Tengku Mohd Ali, 2016. Pengenalan Penyuntingan. *Tunas Cipta*, Ogos: 14-15.
- Tengku Intan Marlina Tengku Mohd Ali, 2017. Penyuntingan dalam Kesusasteraan Melayu Komunikatif (2). *Tunas Cipta*, Februari: 16-17.
- Tengku Intan Marlina Tengku Mohd Ali, Madiawati Mamat, Hashim Awang & Nurhamizah Hashim. 2014. From Text to Animation: Adaptation of Bawang Putih Bawang Merah. *Journal of Malay Literature*, 27 (2): 311-332.
- Tengku Intan Marlina Tengku Mohd Ali. 2015. Novel Melayu dalam Pelbagai Perspektif Kamariah Kamarudin. *Jurnal Melayu*, 2 (1), 149-154.
- Vivi Lachs. 2004. *Multimedia di dalam Bilik Darjah*. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan Negara Malaysia.

Biodata Penulis:

Tengku Intan Marlina Tengku Mohd Ali

Penulis merupakan Pensyarah Kanan di Jabatan Kesusasteraan Melayu, Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya. Bidang kajian beliau tertumpu kepada teori dan kritikan khususnya semiotik.

Madiawati Mamat @ Mustaffa

Penulis merupakan Pensyarah Kanan di Jabatan Kesusasteraan Melayu, Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya. Bidang kajian beliau tertumpu kepada sastera rakyat dan sastera dalam multimedia.